

tahu bahawa setiap hari Sukarno dan komplotannya makan barang-barang sedap, makan keju dan mentega dan roti yang dibuat oleh negeri yang menjajah sedang rakyat?

.... Diabui, diumbang ambingkan dan agama dipertopengkan!

Kita berkeyakinan bahawa Allah tidak akan mengekalkan kezaliman dan pemerasan – pada masa akan dapat dilihat natijahnya *In shā' Allāh!*

\* \* \*

### Bawam mengenal Sukarno?

Peribadi Tengku Abdul Rahman terang dan jelas sebagai seorang yang jujur dan lurus. Telah menjadi adat bagi orang yang jujur dan lurus itu “tidak penyampai hati” dan seberapa yang boleh beralih terutamanya kalau orang berlebut kepadanya.

Sifat-sifat seperti ini kalau dibawa kepada medan politik, pada suatu ketika adalah berbahaya sebab terutamanya dalam melaksanakan perkara-perkara yang mesti tegas menghadapinya sehingga suatu masa sifat-sifat lemah lembut itu berbahaya, bukannya sahaja bagi diri beliau, tetapi sebagai pemerintah berbahaya untuk keselamatan pemerintahannya.

Sebab melihat kenyataan inilah harus pemuda-pemuda UMNO membawa keputusan supaya Tengku jangan sentiasa “lembut” sahaja terhadap kepada lawannya dan mestilah bertindak keras dan tegas.

Keadaan Tengku ini bukannya sahaja dalam perkara ke dalam tetapi juga keluar. Lihat sahaja bagaimana cara Tengku melayan Sukarno dan komplotannya terhadap gagasan Malaysia. Tatkala menyebut ‘dalam persidangan

pemuda UMNO’ bahawa beliau telah dua kali bertemu dengan Sukarno dan Subandrio, Tengku berkata, sebagai suatu kekesalan:

“Saya rasa tidaklah memberi faedah yang besar sekiranya penganjur-penganjur Indonesia yang lain itu masih terus menerus menunjukkan sikap bermusuhan dengan kita, walhal penganjur besar buat perjanjian bersahabat dengan kita.”


Daripada ucapan Tengku ini zahir kepada kita bahawa beliau belum mengenal Sukarno dan belum mengenal putar belit siyasah orang-orang Indonesia.

Bagi orang yang telah lama mengenal Sukarno, cara apa yang dibuat olehnya adalah dipandang cara biasa. Kepadanya tidaklah boleh berbuat atau menghadapi dengan lurus dan putih hati dengan cara kebersihan hati Tengku.

Orang-orang semuanya tahu, Sukarno akan mengorbankan apa jua sekalipun asakan<sup>3</sup> sahaja maksud dan cita-citanya sampai. Hatta, Sjahrir, Mohammad Roem, Prawoto Mangkusasmito, Zulkifli Lubis, Mohammad Natsir dan banyak lagi pemimpin-pemimpin Indonesia sama ada di dalam Parti Nasional yang telah disingkirnya dan dipenjarakannya. Hanya Dr Mohammad Hatta seorang yang masih diluar. Itu pun sekiranya ia tidak takut kepada tentera yang masih “cinta” kepada Dr Hatta, mungkin Dr Hatta akan diasingkan dari masyarakat dan medan siyasah Indonesia. Semuanya pemimpin-pemimpin ini adalah pemimpin perjuangan kemerdekaan Indonesia.

Mulanya Sukarno melayan mereka dengan baik, mengikuti apa jua kehendak mereka, tetapi setelah Sukarno dapat melagakan mereka diantara satu dengan

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah asalkan



Di sinilah Uhud (Uhud) tempat umat Islam bermandi darah dalam menegakkan agama Allah. Di sinilah dimakamkan syuhada-syuhada Uhud bersama-sama dengan Saiyidina Hamzah, pahlawan Islam yang utama.

lain dan dapat melumpuhkan mereka dengan berbagai-bagai tipu maslahat maka dengan tidak segan-segan seorang demi seorang dijatuhkannya dan ditangkapinya.

Setengah-setengah mereka ditangkap dengan kekuasaan dan setengah-setengahnya pula dibuat janji tetapi sesudah keluar lalu dikurung dan diasingkan daripada masyarakat.

“Siapa yang berani menentang Sukarno adalah dimaknakan oleh pengikut-pengikut yang disekelebiling<sup>1</sup> pinggang Sukarno sebagai musuh negara” begitu pengertian di Indonesia.

Seorang pemimpin Indonesia tatkala menunjukkan rasa tidak puas hatinya di atas pemerintahan Sukarno pernah berkata: “Jika Pak Natsir (Mohammad Natsir) seorang yang soleh dan sabar tidak tahan dan tidak sabar

melihat keadaan maka siapa lagi yang akan dapat bersabar melihat telatah Sukarno.”

Apa yang kita sebutkan ini, sebenarnya telah pun pernah ditulis di dalam majalah ini di bawah tajuk “Selagi Sukarno memerintah, negara Indonesia akan hancur.” Di sana terbentang peristiwa-peristiwa keganasan-keganasan dan seumpamanya yang dilakukan oleh pengikut-pengikut Sukarno. Ini tidak menjadi rahsia lagi kepada umat Indonesia dan sebahagian besar umat Islam di Melayu.

Berdasarkan ini, maka hendaklah Tengku berhati-hati dan berjaga-jaga menghadapinya. Cita-citanya menurut pendapat kita kelak akan cuba “menelan” Sabah, Sarawak dan Brunei bahkan kelak akan menyerang Selat Melaka untuk meluaskan penjajahannya. Percayalah ini akan terjadi

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah sekeliling

dan akan berlaku tidak berapa lama lagi sekiranya

Tengku tidak berkawal dan berjaga-jaga dari sekarang.

“Penjajahan Indonesia” ke atas Tanah Melayu,

seterusnya Malaysia, sebenarnya telah dimulai lama dahulu

dengan didahului menerusi jalan kebudayaan dan

sastera. Ini langkah yang pertama yang telah kita pernah mengingatkan

kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Langkah yang kedua, seperti kita sebut di atas

ialah dengan menggunakan pasukan pasukan gorila yang dimulai

peonnya, Azhari dengan peristiwa berdarah di Brunei.

Gerakan ini diteruskan dengan lebih jelas lagi oleh

saranan Roeslan Abdulgani memberi “tawaran” kepada

rakyat-rakyat di Sabah dan di Sarawak kalau ingin merdeka dan

bersatu dengan Indonesia maka Indonesia sedia

menolong. Apakah ini tidak menjadi bukti?

Waspadalah Tengku berhadapan dengan orang-orang seperti

ini.

\* \* \*

### Pertubuhan Muslimin Singapura

Lebih kurang dua tahun dahulu, pertubuhan yang

tersebut telah ditubuhkan di Singapura dengan membawa

rancangan-rancangan yang bergemilang untuk kebaikan kaum muslimin

Singapura. Langkah pertama bagi mengikat “perpaduan”

Pertubuhan Muslimin Singapura lalu mengadakan

Kongres Umat Islam. Di dalam Kongres itu

telah disetujukan untuk mendapatkan kelulusannya bagi

memotong gaji tiap-tiap seorang Islam sama ada yang bekerja

dengan kerajaan atau di syarikat-syarikat awam. Sesungguhnya

Kongres itu meriah kerana disusun dengan baik

dan teratur.

Tetapi sesudah dua tahun berjalan. Kita tidak

mendengar khabar berita tentang langkah-langkah yang dibuat oleh pertubuhan muslimin itu. Yang kita hanya dapat memandang adalah pertubuhan itu nampaknya giat di dalam perkara sukan sahaja seperti menyambut mahram dengan perlawanan sukan

iaitu sebagai alih – ganti dari mendiang Pertubuhan

Pemuda Islam Singapura dahulu.

Kita, sebenarnya dari mula-mula dahulu telah memberi

fikiran bahawa adanya pertubuhan itu tidaklah berapa

mustahak kerana orang-orang yang bakal mengambil bahagian

di dalam pertubuhan itu ialah orang-orang yang biasa atau

bekerja di dalam pertubuhan-pertubuhan Islam yang lain yang seakan-akan

coraknya. Pandangan itu kita beri ialah supaya usaha-usaha

untuk kebijakan dan maslahat agama biarlah tidak

habis di dalam kata-kata sahaja tetapi di dalam amal. Maka

dengan itu adalah mustahak menyatukan tenaga dan berusaha

mengadakan dan memimpin “kader-kader” yang bakal mengantikan

tempat-tempat orang-orang yang telah tua.

Sebenarnya kita gemar hendak melihat adanya kerja-kerja

dan amal-amal umum tetapi jika hanya ada pertubuhan dan

membanyakkan pertubuhan sahaja, memandang tidak ada faedahnya

selain daripada “beramai-ramai” di dalam perkara-perkara

“luar” untuk dilihat orang.

**SUDAH TERBIT!**

**PERSURATAN MELAYU III**

**D R A M A**

**Harga \$7.00**

Pesan kepada:-

Q A L A M

356/8, GEYLANG ROAD

Singapore 14.